

15 FEB 2001

Zaharah-Kelab

KELAB PERPADUAN DITUBUHKAN DI SEKOLAH MENENGAH, KATA ZAHARAH

PUTRAJAYA, 15 Feb (Bernama) -- Kelab-kelab perpaduan akan ditubuhkan di semua sekolah menengah di seluruh negara dalam usaha memperkukuhkan perpaduan rakyat menerusi pendekatan pendidikan, kata Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman.

Beliau berkata projek perintis penubuhan kelab itu akan dimulakan bulan depan di Sekolah Menengah Convent Bukit Nanas di Kuala Lumpur atas cadangan Panel Penasihat Perpaduan Negara.

"Kita harus jadikan ia (kelab perpaduan) sebagai aktiviti yang meningkatkan lagi interaksi antara pelbagai kaum supaya tidak ada ciri-ciri yang menjurangkan perpaduan di kalangan masyarakat, terutamanya generasi muda di peringkat sekolah," katanya kepada pemberita di sini selepas mengetuai 43 anggota panel itu menemui Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Jabatan Perdana Menteri di sini.

Siti Zaharah, yang juga pengerusi panel seramai 48 anggota itu, berkata kelab itu akan memberi tumpuan kepada aktiviti penghayatan Rukunegara dan penerapan nilai-nilai penting rukunegara.

Aktiviti kelab itu akhirnya diharap dapat menghasilkan sebahagian daripada ciri-ciri masyarakat Malaysia yang harus didokong bersama ke arah perpaduan nasional, katanya.

Siti Zaharah berkata jika projek perintis itu berjalan lancar, kelab perpaduan itu akan diperluaskan ke seluruh negara melalui mekanisme yang sudah diwujudkan.

"Rancangan (penubuhan) kelab perpaduan selanjutnya akan dibuat melalui jawatankuasa panel penasihat negeri-negeri dengan kerjasama di peringkat daerah dan sekolah," katanya.

Perjumpaan panel itu dengan Dr Mahathir, yang dibuat selaras dengan resolusi mesyuaratnya di Langkawi tahun lepas, bertujuan mendapatkan pandangan serta harapan Perdana Menteri berhubung hala tuju dan matlamat panel itu.

Panel itu, yang ditubuhkan pada 1974, berperanan sebagai badan untuk membincangkan secara terus terang isu-isu berhubung perpaduan, menggalakkan perhubungan kaum secara positif dan mencegah perasaan perkauman yang boleh menimbulkan konflik dan konfrantasi antara kaum.

-- BERNAMA

AFY ZS NAK